

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

### **DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Dr. Mansor bin Abd Rahman (Sik)**

**TARIKH : 14.11.2016 (Isnin)**

**NO. SOALAN : 17**

**minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan status terkini TPPA selepas termeterinya perjanjian tersebut pada bulan Februari 2016.**

### **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Selepas termeterainya Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) pada 4 Februari 2016, kesemua negara-negara TPP termasuk Malaysia kini sedang dalam proses meminda perundangan dan peraturan domestik masing-masing bagi memenuhi obligasi yang telah dipersetujui di bawah perjanjian tersebut.
  
2. Seperti mana yang pernah dimaklumkan di dalam dewan yang mulia ini, sebanyak 18 undang-undang perlu dipinda terutamanya berkaitan

obligasi Malaysia dalam bab buruh, hak harta intelek dan pentadbiran kastam. Pada masa ini, Kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan, dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara, sedang mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memperkemaskan Akta-akta berkenaan. Kesemua pindaan yang dipersetujui juga telah mengambil kira maklum balas dan pandangan daripada *stakeholders* yang berkepentingan.

Tuan Yang Dipertua,

3. TPPA hanya akan berkuatkuasa apabila kesemua negara anggota berjaya meratifikasi perjanjian ini dalam tempoh 24 bulan daripada tarikh perjanjian tersebut ditandatangani. Sekiranya ini tidak tercapai, perjanjian TPPA masih tetap akan berkuatkuasa apabila sekurang-kurangnya enam (6) negara yang menyumbang 85% daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara-negara TPPA berjaya meratifikasi perjanjian tersebut.
4. Sehubungan itu, Malaysia perlu memastikan supaya pindaan ke atas undang-undang yang terbabit dapat dilakukan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Dalam hal ini, adalah penting supaya semua pindaan dibentangkan di Parlimen selewat-lewatnya pada suku kedua 2017.
5. Pelaksanaan TPPA mengikut masa yang ditetapkan akan dapat memberi manfaat kepada syarikat-syarikat tempatan dan masyarakat umum.

Sekian, terima kasih.